

11/12/1997

Pegawai polis wajar bertimbang rasa

Musomar

SEORANG teman yang menetap di Machang, Kelantan, bercerita kepada saya mengenai keprihatinan seorang pegawai polis bersusah payah membantu isterinya yang terbabit dalam kemalangan jalan raya, walaupun ketika itu dia dalam perjalanan untuk menghadiri mesyuarat penting.

Pegawai polis terbabit bukan saja menghantar isterinya ke klinik berdekatan untuk rawatan, malah membantu ketika membuat laporan di balai polis. Semua itu dibuat secara ikhlas, malah teman saya sendiri tidak sempat menemuinya untuk mengucapkan terima kasih.

Bagaimanapun, lain pula sikap seorang pegawai kanan polis di Kuala Lumpur yang dikatakan terbabit dalam kes menahan sebuah kereta Kancil hanya kerana kereta milik pasangan suami isteri, Mohd Adrian Mustafa Kamal Bhrin dan Emirul Adrienne Lokman, terbabit dalam satu kemalangan kecil dengan kenderaan pacuan empat roda yang dipandu oleh anak pegawai polis berkenaan.

Bukan setakat itu, pasangan terbabit juga terpaksa berulang alik di tujuh balai polis sebelum diterima membuat laporan polis berhubung kejadian itu.

Dalam kejadian 1 Disember lalu, pasangan suami isteri itu dipercayai cuba diserang oleh sekumpulan remaja yang memandu sebuah Pajero ketika dalam perjalanan pulang ke rumahnya, kira-kira jam 10.40 malam.

Mereka mendakwa pemandu Pajero itu cuba menggesel keretanya. Mangsa bersama isterinya yang sedang mengandung kemudian membuat laporan polis di Balai Polis Sentul, kira-kira jam 4.40 pagi.

Kelmarin, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mohd Bakri Omar, berkata dua anggota polis, termasuk seorang Ketua Polis Balai ditahan kerja berikutan siasatan kes itu.

Kedua-dua anggota terbabit iaitu Ketua Polis Balai Setapak dan seorang berpangkat sarjan dari Balai Polis Taman Melawati, ditahan kerja mengikut Seksyen 78 (1) Akta Polis 1967 bagi siasatan lanjut.

Semalam pula, Bukit Aman mengeluarkan kenyataan menafikan polis enggan menerima laporan daripada mangsa berkenaan, sebaiknya mengakui anggota polis di Balai Polis Taman Melawati dan Ketua Polis Setapak gagal mengambil tindakan yang betul dan selaras dengan undang-undang serta prosedur yang ditetapkan apabila laporan polis dibuat.

Tindakan mereka sama sekali bertentangan dengan moto yang sepatutnya diamalkan pasukan polis iaitu 'Cepat Dan Betul'.

Kita menghormati tugas anggota polis yang mempertaruhkan nyawa untuk menjaga keselamatan awam, tetapi mereka juga perlu menjaga amanah yang diberikan. Janganlah kerana nila setitik, rosak susu sebelanga.

Walaupun kes salah guna kuasa seperti ini jarang berlaku, ia sedikit sebanyak boleh menjejaskan imej polis sebagai pihak berkuasa yang terbabit melindungi keselamatan orang ramai, selain imej pegawai kanan kerajaan lain.

Sejak kebelakangan ini, selalu sangat kita mendengar kes membabitkan pegawai kanan kerajaan yang hilang pertimbangan sehingga membawa kepada penyalahgunaan kuasa.

Malah, ada yang sanggup menggadai maruah dengan menipu kerajaan membabitkan projek beratus juta ringgit. Bagaimanapun, di sebalik sikap segelintir pegawai kanan kerajaan yang tidak bertanggungjawab itu, kita masih boleh berbangga dengan sebahagian besar mereka yang sanggup berkorban gaji mereka dipotong atau kenaikan gaji dibekukan berikutan

kegawatan ekonomi yang dialami sekarang.

Pengorbanan mereka ini begitu besar selaras dengan ingatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya rakyat menyokong usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara dengan berjimat cermat.

Mungkin tidak salah jika sektor korporat juga mengikut jejak demikian, seperti yang dilakukan oleh semua ketua eksekutif dan pengurus besar syarikat milik kerajaan Johor yang bersetuju memotong tiga peratus daripada gaji mereka.

(END)